

KENYATAAN MEDIA

KETERBUKAAN KERAJAAN MEMASTIKAN MALAYSIA MAJU

ARAU, 10 September 2019 - Keterbukaan kerajaan kini memberi peluang dan ruang kepada mahasiswa untuk lebih agresif dalam menyuarakan pendapat benar demi memastikan Negara bergerak terus kearah matlamat menjadi Malaysia maju.

Perkara itu dinyatakan oleh johan Pertandingan Debat Diraja Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) 2019 kategori Bahasa Melayu, Nurul Syafiqah Ariffin, 20, yang merupakan pelajar jurusan Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

“Dahulu ada perkara yang menghalang kita dari menyuarakan pendapat tetapi harus sedar bahawa kita perlu menerima kebenaran walaupun ia pahit untuk ditelan.

“Untuk masa kehadapan kita perlu betulkan perkara yang salah dengan menerima kritikan kerana kita tidak akan sedar akan kesalahan itu tanpa teguran daripada pihak lain,” katanya ketika ditemui selepas pertandingan debat yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Beliau sebagai Perdana Menteri perdebatan itu serta pasukannya menewaskan pasukan debat Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan usul ‘Demi Perkara 152: Dewan Ini Akan Memberi Mandat Penguatkuasaan’ dan berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 10,000 beserta piala iringan Debat Diraja, trofi dan sijil penyertaan.

Ujar Syafiqah, dasar yang diamalkan sekarang adalah lebih baik di mana suara kebenaran rakyat terutamanya mahasiswa didengari dan ini memastikan Negara melangkah lebih jauh ke hadapan.

“Saya berharap akan diperbanyakkan lagi pertandingan debat dengan kerjasama universiti dan pihak sekolah supaya budaya debat ini dapat diterapkan sejak dari usia muda lagi,” katanya.

Selain memenangi kategori Bahasa Melayu, UIAM juga menjadi johan debat kategori Bahasa Inggeris menewaskan Universiti Malaya (UM) serta diumumkan sebagai pendebat terbaik bagi kedua-dua kategori.

Kemenangan ini menamatkan penantian 12 tahun UIAM untuk merangkul johan berganda bagi dua kategori terbabit.

Dikeluarkan Oleh :

Nurul Aida Othman

Penolong Pegawai Media UniMAP

Tel : 04-9798522